



27 September 2022
27 September 2022
P.U. (A) 302

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

PERINTAH PETROLEUM (CUKAI PENDAPATAN)
(PENGECUALIAN) 2022

*PETROLEUM (INCOME TAX) (EXEMPTION)
ORDER 2022*

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PETROLEUM (CUKAI PENDAPATAN) 1967

PERINTAH PETROLEUM (CUKAI PENDAPATAN) (PENGECUALIAN) 2022

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 65C(1) Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967 [*Akta 543*], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Petroleum (Cukai Pendapatan) (Pengecualian) 2022**.

(2) Perintah ini disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2020.

Pengecualian

2. (1) Menteri mengecualikan orang yang boleh dikenakan cukai, dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran, daripada pembayaran cukai pendapatan petroleum berkenaan dengan pendapatan berkanun yang diperoleh daripada operasi petroleum berhubung dengan kontrak perkongsian pengeluaran *Late-Life Assets*.

(2) Pengecualian yang diberikan di bawah perenggan ini adalah tertakluk kepada syarat bahawa orang yang boleh dikenakan cukai itu menandatangani kontrak perkongsian pengeluaran *Late-Life Assets* dengan PETRONAS dalam tempoh dari 1 Januari 2020 hingga 31 Disember 2029.

(3) Tiada apa-apa jua dalam subperenggan (1) boleh melepaskan atau disifatkan telah melepaskan orang yang boleh dikenakan cukai itu daripada mematuhi apa-apa kehendak bagi mengemukakan apa-apa penyata atau penyata akaun atau mengemukakan apa-apa maklumat lain di bawah peruntukan Akta.

(4) Bagi maksud Perintah ini, "PETRONAS" adalah singkatan bagi Petroliaam Nasional Berhad sebagaimana yang disebut dalam subseksyen 3(1) Akta Kemajuan Petroleum 1974 [*Akta 144*].

Pendapatan berkanun

3. (1) Pendapatan berkanun yang disebut dalam subperenggan 2(1) hendaklah ditentukan mengikut formula yang berikut:

$$\frac{A}{B} \times C$$

- iaitu
- A ialah cukai yang boleh dikenakan bagi orang yang boleh dikenakan cukai berkenaan dengan operasi petroleum berhubung dengan kontrak perkongsian pengeluaran *Late-Life Assets* yang bersamaan dengan tiga puluh lapan peratus daripada pendapatannya yang boleh dikenakan cukai ditolak dengan cukai yang boleh dikenakan yang bersamaan dengan dua puluh lima peratus daripada pendapatannya yang boleh dikenakan cukai;
- B ialah cukai yang boleh dikenakan bagi orang yang boleh dikenakan cukai berkenaan dengan operasi petroleum berhubung dengan kontrak perkongsian pengeluaran *Late-Life Assets* yang bersamaan dengan tiga puluh lapan peratus daripada pendapatannya yang boleh dikenakan cukai; dan
- C ialah amaun bagi pendapatan yang boleh dikenakan cukai itu.

(2) Dalam menentukan pendapatan yang boleh dikenakan cukai yang disebut dalam formula, pendapatan berkanun itu hendaklah ditentukan mengikut Bab 4 Bahagian III Akta dan dengan mengambil kira Kaedah-Kaedah Petroleum (Cukai Pendapatan) (Elaun Modal Dipercepat) (Kontrak Perkongsian Pengeluaran *Late-Life Assets*) 2022 [*P.U. (A) 301/2022*].

Late-Life Assets

4. (1) Bagi maksud pengecualian cukai di bawah Perintah ini, Menteri boleh menentukan suatu projek sebagai projek *Late-Life Assets* iaitu suatu medan minyak atau gas *brownfield* dan mempunyai jangka hayat ekonomi tidak melebihi sepuluh tahun bermula dari tahun sesuatu kontrak perkongsian pengeluaran *Late-Life Assets* itu ditandatangani.

(2) Dalam Perintah ini, “medan minyak atau gas *brownfield*” ertinya suatu medan minyak atau gas yang pernah dibangunkan dan telah mencapai tahap puncak kadar pengeluaran minyak atau gas.

Ketidakkapaian

5. Perintah ini tidak terpakai bagi seseorang yang boleh dikenakan cukai dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran jika orang yang boleh dikenakan cukai itu—

(a) telah diberikan suatu elaun modal dipercepat di bawah Kaedah-Kaedah Petroleum (Cukai Pendapatan) (Elaun Modal Dipercepatkan) (Medan Marginal) 2013 [*P.U. (A) 119/2013*];

(b) telah diberikan suatu elaun pelaburan di bawah Peraturan-Peraturan Petroleum (Cukai Pendapatan) (Elaun Pelaburan) 2013 [*P.U. (A) 120/2013*];

(c) telah diberikan pengecualian cukai di bawah Perintah Petroleum (Cukai Pendapatan) (Pengecualian) 2013 [*P.U. (A) 122/2013*];

- (d) telah diberikan suatu elaun modal dipercepat di bawah Kaedah-Kaedah Petroleum (Cukai Pendapatan) (Elaun Modal Dipercepat) (Medan Marginal PETRONAS) 2014 [*P.U. (A) 304/2014*];
- (e) telah diberikan pengecualian cukai di bawah Perintah Petroleum (Cukai Pendapatan) (Pengecualian) 2014 [*P.U. (A) 305/2014*];
- (f) telah diberikan suatu elaun pelaburan di bawah Peraturan-Peraturan Petroleum (Cukai Pendapatan) (Elaun Pelaburan bagi PETRONAS) 2021 [*P.U. (A) 336/2021*];
- (g) menjalankan operasi petroleum di dalam Kawasan Pembangunan Bersama; atau
- (h) menjalankan operasi petroleum di dalam suatu kawasan di bawah mana-mana perjanjian atau perkiraan yang dibuat oleh Kerajaan dengan mana-mana kerajaan mana-mana wilayah di luar Malaysia bagi eksplorasi dan eksploitasi petroleum bersama di dalam kawasan pertindihan.

Dibuat 13 September 2022

[MOF.TAX(S)700-3/1/755; LHDN.AY.A.600-21/1/7(29)-81; PN(PU2)474/IV]

TENGGU DATUK SERI UTAMA ZAFRUL TENGGU ABDUL AZIZ
Menteri Kewangan

[*Akan dibentangkan di hadapan Dewan Rakyat menurut subseksyen 65C(2) Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967*]

PETROLEUM (INCOME TAX) ACT 1967

PETROLEUM (INCOME TAX) (EXEMPTION) ORDER 2022

IN exercise of the powers conferred by subsection 65C(1) of the Petroleum (Income Tax) Act 1967 [*Act 543*], the Minister makes the following order:

Citation and commencement

1. (1) This order may be cited as the **Petroleum (Income Tax) (Exemption) Order 2022**.

(2) This Order is deemed to have come into operation on 1 January 2020.

Exemption

2. (1) The Minister exempts the chargeable person, in the basis period for a year of assessment, from the payment of petroleum income tax in respect of statutory income derived from petroleum operations in relation to Late-Life Assets production sharing contract.

(2) The exemption granted under this paragraph is subject to the condition that the chargeable person has signed a Late-Life Assets production sharing contract with PETRONAS within the period from 1 January 2020 to 31 December 2029.

(3) Nothing in subparagraph (1) shall absolve or is deemed to have absolved the chargeable person from complying with any requirement to submit any return or statement of accounts or to furnish any other information under the provisions of the Act.

(4) For the purpose of this Order, "PETRONAS" is the abbreviation for Petroliam Nasional Berhad as referred to in subsection 3(1) of the Petroleum Development Act 1974 [*Act 144*].

Statutory income

3. (1) The statutory income referred to in subparagraph 2(1) shall be determined in accordance with the following formula:

$$\frac{A}{B} \times C$$

where A is the chargeable tax of the chargeable person in respect of its petroleum operations in relation to the Late-Life Assets production sharing contract which is equal to thirty-eight per cent of its chargeable income reduced by the chargeable tax which is equal to twenty-five per cent of its chargeable income;

B is the chargeable tax of the chargeable person in respect of the petroleum operation in relation to the Late-Life Assets production sharing contract which is equal to thirty-eight per cent of its chargeable income; and

C is the amount of such chargeable income.

(2) In determining the chargeable income referred to in the formula, the statutory income shall be ascertained in accordance with Chapter 4 of Part III of the Act and by having regard to the Petroleum (Income Tax) (Accelerated Capital Allowances) (Late-Life Assets Production Sharing Contract) Rules 2022 [*P.U. (A) 301/2022*].

Late-Life Assets

4. (1) For the purpose of tax exemption under this Order, the Minister may determine a project as a Late-Life Assets project which is a brownfield oil or gas field and has an economic lifespan not exceeding ten years commencing from the year a Late-Life Assets production sharing contract is signed.

(2) In this Order, "brownfield oil or gas field" means an oil or gas field that has been developed and has reached a peak level of oil or gas production rate.

Non-application

5. This Order shall not apply to a chargeable person in the basis period for a year of assessment where the chargeable person—

(a) has been granted accelerated capital allowance under the Petroleum (Income Tax) (Accelerated Capital Allowances) (Marginal Field) Rules 2013 [*P.U. (A) 119/2013*];

(b) has been granted an investment allowance under the Petroleum (Income Tax) (Investment Allowance) Regulations 2013 [*P.U. (A) 120/2013*];

(c) has been granted tax exemption under the Petroleum (Income Tax) (Exemption) Order 2013 [*P.U. (A) 122/2013*];

(d) has been granted accelerated capital allowance under the Petroleum (Income Tax) (Accelerated Capital Allowances) (PETRONAS Marginal Field) Rules 2014 [*P.U. (A) 304/2014*];

(e) has been granted tax exemption under the Petroleum (Income Tax) (Exemption) Order 2014 [*P.U. (A) 305/2014*];

(f) has been granted an investment allowance under the Petroleum (Income Tax) (Investment Allowance for PETRONAS) Regulations 2021 [*P.U. (A) 336/2021*];

(g) carries on petroleum operations in the Joint Development Area; or

- (h) carries on petroleum operations in an area under any agreement or arrangement made by the Government with any government of any territory outside Malaysia for the joint exploration and exploitation of petroleum in overlapping areas.

Made 13 September 2022

[MOF.TAX(S)700-3/1/755; LHDN.AY.A.600-21/1/7(29)-81; PN(PU2)474/IV]

TENGGU DATUK SERI UTAMA ZAFRUL TENGGU ABDUL AZIZ
Minister of Finance

[To be laid before the Dewan Rakyat pursuant to subsection 65C(2) of the Petroleum (Income Tax) Act 1967]